



**AGENS PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 7, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 03-8870 4891
Faks : 03-8870 4848

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT KHAS HIGH LEVEL COMMITTEE JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP) BERHUBUNG KLUSTER PENYAKIT NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19) BILANGAN 5 TAHUN 2020

21 Februari 2020, pagi ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Khas *High Level Committee (HLC)* berhubung kluster penyakit Covid-19 untuk mendapatkan laporan status semasa daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan yang menguruskan isu ini.

Mesyuarat hari ini turut dihadiri YB Menteri Luar Negeri, Ketua-Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil, Ketua-ketua Pengarah dan wakil-wakil agensi berkaitan.

STATUS SEMASA

- Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 8 pagi ini, dilaporkan terdapat 75,641 kes di seluruh dunia dengan 2,122 kematian.
 - Tiada kes baru positif COVID-19 dilaporkan hari ini, 21 Februari 2020. Jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini KEKAL sebanyak 22 kes dengan hanya lima (5) kes masih dirawat di wad, manakala bilangan kes yang telah discaj daripada wad adalah tujuh belas (17).
 - Daripada lima (5) kes yang masih dirawat itu: Tiga (3) orang di Hospital Kuala Lumpur (HKL); Seorang (1) di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah; Seorang (1) di Hospital Sungai Buloh.
 - Malaysia masih berada pada fasa *early containment* – tiada penularan meluas antara satu individu kepada individu yang lain (*H2H transmission*), tiada kes sporadik dikesan dalam komuniti, tiada kes kematian direkodkan, masih mampu untuk ditangani dengan kapasiti dan keupayaan sedia ada.
-

- KPM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Kluster Coronavirus DISEASE 19 (Covid-19) dan bilik gerakan Jawatankuasa ini telah mula beroperasi bertempat di Bahagian Education Malaysia (BEM) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).
- Semua 20 Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) telah membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi menangani penularan Covid-19 manakala 17 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dilaporkan mempunyai SOP termasuk Xiamen Universiti Malaysia yang mempunyai ramai pelajar dari China.
- Sehingga hari ini semua pelajar yang pulang dari China telah melalui saringan kesihatan dan semua didapati negatif Covid-19.
- *Education Malaysia Beijing* (EMB) dengan kerjasama persatuan-persatuan pelajar Malaysia di China telah membangunkan Covid-19 *Overseas Students Management Dashboard* bagi membantu pemantauan keberadaan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di China.
- BEM dengan kerjasama Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) dan KKM telah membangunkan *The Preparatory Plan To Prevent Transmission of The Covid-19 For Malaysian Institutes of Higher Learning*
- Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui pesawat Air Asia sedang mengurus untuk membawa pulang sekitar 75 orang warganegara Malaysia dan pasangan/anak dari Wuhan. Tarikh penerbangan dijadual pada 25 Februari ini.
- Misi HADR-Wuhan ke-2 ini akan diuruskan sama seperti misi pertama yang mana sebaik tiba di KLIA semua akan melalui saringan kesihatan di Air Disaster Unit (ADU) sebelum dihantar ke Akedemi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) untuk proses pemantauan selama 14 hari.

KEPUTUSAN

Berdasarkan pembentangan-pembentangan Kementerian dan Agensi-agensi hari ini, mesyuarat telah bersetuju untuk mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Pelajar warganegara China perlu melalui saringan kesihatan kecuali telah tiba lebih 14 hari di Malaysia. BEM telah dan akan terus melaksanakan Saringan Kesihatan berdasarkan SOP yang telah dipersetujui pihak KKM dan KPM.
2. Memperketatkan proses saringan rakyat Malaysia yang melawat/pulang dari China, selain saringan kesihatan secara thermal scanner, saringan kesihatan swab test akan turut dilakukan. Individu yang didapati positif Covid-19 akan terus dibawa ke hospital. Sekiranya negatif mereka akan dibenarkan pulang untuk menjalani Home Surveillance menurut garis panduan yang telah ditetapkan KKM.
3. Saringan pintu masuk sempadan Johor – Singapura akan diperketatkan. KKM juga akan membincangkan kaedah kawalan pemantauan dan kaedah *screening* di sempadan (*entry* dan *exit*) dalam forum *Bilateral Joint-Working Group Committee* bersama Kerajaan Singapura pada 25 Februari 2020
4. Memandangkan kapal-kapal persiaran telah disekat daripada berlabuh di Malaysia, Kerajaan sedang berusaha untuk membantu kira-kira 100 krew warga Malaysia yang sedang berada di atas kapal persiaran WorldDream di perairan Malaysia. Mereka akan melalui saringan kesihatan dan *swab test* sebelum dibenarkan pulang.
5. Bagi memastikan kecukupan keperluan topeng muka, KPDNHEP akan menyelaraskan pembekalan topeng muka daripada pengeluar dan mengehadkan eksport keluar topeng muka. NADMA akan membantu penyaluran topeng muka tersebut kepada petugas agensi barisan hadapan.

NASIHAT BAGI MEREKA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM (BATUK/ SELSEMA/ SESAK NAFAS)

- Sentiasa pakai topeng muka. Jika tidak memakai *topeng muka*, tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan **CUCI TANGAN serta merta** dengan sabun atau *hand sanitiser*.
- Anda juga hendaklah **hadkan jarak** anda dengan mereka yang sihat sekurang-kurangnya 1 meter.

Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,
21 Februari 2020

Maklumat Tambahan

Kabinet ada berbincang berkaitan sekatan kemasukan pelancong-pelancong dari China tetapi buat masa ini masih ada beberapa perkara yang sedang diteliti sebelum ianya dapat dilaksanakan.